



Islam Liberal dan Tradisi Hadis: Dinamika Pemikiran di Malaysia dan Indonesia

Liberal Islam and the Hadis Tradition: The Dynamics of Thought in Malaysia and Indonesia

MOHD NOR ADLI OSMAN

Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia

E-mail: adliosman@usm.my

Published online: 29 May 2026

To cite this article: Mohd Nor Adli Osman. 2026. Islam liberal dan tradisi hadis: Dinamika pemikiran di Malaysia dan Indonesia. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 33(1): 209–230. <https://doi.org/10.21315/kajh2026.33.1.10>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/kajh2026.33.1.10>

Abstract. *The hadith tradition has long served as the foundation of religious authority in the Malay world, including Malaysia and Indonesia, through the application of classical disciplines of sanad, matan and critical evaluation. Since the 1990s, liberal Islamic discourse has emerged to challenge this authority by emphasising contextual hermeneutics, gender justice, human rights and pluralism. This study examines the interaction between liberal thought and the hadith tradition, whether as a *islah* effort grounded in *maqasid al-shari'ah* or as an epistemological critique of hadith legitimacy. Employing qualitative methods and critical discourse analysis of liberal thinkers' writings alongside responses from scholars classical, the study maps the debates within academic and public spheres in both countries. The findings reveal a continuing epistemological tension between liberal thinkers and classical scholars. Liberal thinkers emphasise a moral and contextual interpretation that sometimes overlooks the disciplines of sanad and matan, whereas classical scholars uphold the inherited tradition while allowing flexibility through the *maqasid* approach. The study concludes that this conflict represents not merely interpretive differences but a struggle over religious authority in modern Muslim societies.*

Keywords and phrases: *Islamic, liberal, islah, hadis tradition, thinkers*

Abstrak. Tradisi hadis telah menjadi asas autoriti keagamaan dalam dunia Melayu, termasuk Malaysia dan Indonesia, melalui penerapan disiplin sanad, matan dan kritik klasik. Sejak tahun 1990-an, wacana Islam liberal mula muncul untuk mencabar autoriti ini melalui penekanan hermeneutik kontekstual, keadilan gender, hak asasi manusia dan pluralisme. Kajian ini meneliti interaksi pemikiran liberal dengan tradisi hadis, sama ada

sebagai usaha islah berdasarkan *maqasid al-shari'ah* atau sebagai kritikan epistemologi terhadap legitimasi hadis. Dengan penggunaan kaedah kualitatif dan analisis wacana kritis terhadap tulisan pemikir liberal serta respons ulama klasik, kajian ini memetakan perdebatan dalam ruang akademik dan awam di kedua-dua negara. Dapatan kajian menunjukkan wujud ketegangan epistemologi yang berterusan antara pemikir liberal dengan sarjana klasik. Pemikir liberal cenderung menekankan pendekatan tafsiran moral bersifat kontekstual yang kadangkala mengabaikan disiplin sanad dan matan. Sebaliknya, sarjana klasik berusaha untuk mengekalkan kesinambungan warisan sambil tetap membuka ruang fleksibiliti melalui pendekatan *maqasid*. Kajian ini mendapati bahawa konflik itu lebih daripada sekadar perbezaan pentafsiran, namun perebutan autoriti agama dalam masyarakat moden menuntut sintesis seimbang antara ketelitian kaedah klasik dengan keperluan masa kini.

Kata kunci dan frasa: Islam, liberal, islah, tradisi hadis, pemikir

Pendahuluan

Dalam sejarah perkembangan Islam di alam Melayu, khususnya Malaysia dan Indonesia, hadis sentiasa memainkan peranan penting sebagai sumber rujukan utama dalam penetapan hukum, pembinaan nilai moral dan perbincangan keagamaan. Dengan menggunakan pendekatan sanad, kaedah *al-jarh wa ta'dil* (kritik dan penilaian perawi) dan tradisi pensyarahan hadis klasik, kewibawaan hadis terbentuk sebagai asas penting yang menjaga kelangsungan *turath* (klasik) Islam di rantau ini. Namun bermula pada era 1990-an, kemunculan arus pemikiran Islam liberal telah membawa cabaran baharu dengan menuntut agar agama ditafsirkan selaras dengan nilai moden seperti hak asasi manusia, kepelbagaian agama dan kesamarataan gender telah mencabar kerangka epistemologi tradisi hadis yang sudah kukuh.

Isu ini dapat dilihat melalui contoh tertentu seperti hadis berkaitan dengan pelaksanaan hukuman potong tangan terhadap pencuri yang sering kali ditolak jika difahami secara harfiah oleh sarjana berfahaman liberal kerana dianggap bertentangan dengan prinsip hak asasi manusia moden. Selain itu, hadis yang melarang wanita memimpin digunakan sebagai justifikasi penolakan sistem patriarki dengan pentafsiran bahawa larangan tersebut hanya relevan dalam konteks sejarah tertentu. Kedua-dua contoh ini memperlihatkan bahawa pendekatan Islam liberal tidak sekadar berbeza pada aspek pentafsiran, namun turut menggugat asas epistemologi hadis itu sendiri. Salah satu kenyataan mereka terhadap isu yang diketengahkan adalah seperti yang berikut:

Undang-undang hudud dianggap tidak berperlembagaan atas beberapa alasan utama. Pertama, hal ehwal jenayah berada dalam bidang kuasa persekutuan, maka sesebuah negeri tidak mempunyai autoriti untuk menggubal undang-undang berkaitan perkara jenayah. Disebabkan itulah, Malaysia mempunyai Kanun

Keseksaan yang terpakai kepada semua rakyat tanpa mengira agama. Kedua, pelaksanaan undang-undang tersebut bercanggah dengan jaminan perlembagaan yang menekankan prinsip kesaksamaan serta larangan diskriminasi berasaskan jantina. Ketiga, perkara ini turut dilihat sebagai melanggar jaminan terhadap kebebasan asasi yang termaktub dalam perlembagaan. Sehubungan itu, organisasi Sisters in Islam (SIS) berpendirian bahawa masyarakat seharusnya diatur dan ditadbir berasaskan prinsip kesaksamaan, keadilan dan pemeliharaan maruah insan, dan bukannya melalui pendekatan pencegahan yang bergantung kepada pelaksanaan hukuman yang dianggap keras dan kejam [terjemahan oleh penulis]. (Ratna 2011)

Persoalan utama yang menjadi tanda tanya adalah sama ada wacana Islam liberal di rantau ini boleh diterima sebagai suatu bentuk pembaharuan yang sah berdasarkan *maqasid al-shari'ah* (tujuan pensyariatan) atau sebaliknya berperanan sebagai usaha merombak metodologi hadis sehingga menggugat kewibawaan wahyu. Pertentangan ini menyebabkan perbezaan secara nyata dalam kalangan tradisi hadis yang berlandaskan kesinambungan riwayat dengan pendekatan liberal yang memberi lebih penekanan terhadap kebebasan tafsiran serta pemahaman mengikut konteks.

Kajian terdahulu banyak membincangkan perkembangan pemikiran Islam liberal di Malaysia dan Indonesia, termasuk pengaruh tokoh serantau seperti Nurcholish Madjid, Zainah Anwar, Astora Jabat serta organisasi seperti Jaringan Islam Liberal (JIL), SIS Forum Malaysia dan Inter-Faith Commission (IFC) (Siti Wahidah dan Muhd Najib 2020). Namun begitu, penelitian khusus tentang kesan pemikiran Islam liberal terhadap tradisi hadis, sama ada dari sudut epistemologi mahupun metodologi, masih terbatas. Kekurangan ini membuka ruang kepada kajian ini untuk meneliti interaksi, pertentangan dan perundingan antara gagasan Islam liberal dengan tradisi hadis di Malaysia dan Indonesia. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi pandangan kritis terhadap cabaran autoriti hadis dalam menghadapi realiti masyarakat majmuk masa kini.

Bagi mencapai tujuan tersebut, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis wacana kritis bagi meneliti hubungan antara pemikiran Islam liberal dengan tradisi hadis di kedua-dua negara. Penelitian difokuskan kepada karya pemikir Islam liberal serta reaksi sarjana klasik dalam wacana kontemporari berbahasa Melayu dan Indonesia. Penggunaan istilah sarjana klasik dalam kajian ini merujuk kepada ulama Islam bermula pada kurun kedua Hijrah hingga kurun kelima Hijrah, iaitu ketika era pembentukan disiplin hadis yang berpegang kepada metodologi sanad dan matan. Kajian ini berhasrat untuk menggambarkan perkembangan intelektual tersebut serta menilai secara kritis cabaran yang dihadapi oleh autoriti hadis dalam realiti masyarakat moden yang bersifat plural.

Kajian Lepas

Perbincangan tentang ketegangan antara tradisi autoritatif hadis dengan perkembangan arus Islam liberal di Malaysia dan Indonesia telah sekian lama menjadi tumpuan para penyelidik. Kemunculan tokoh seperti Nurcholish Madjid dan Abdurrahman Wahid di Indonesia menandakan munculnya gelombang reformasi yang menumpukan perhatian kepada pendekatan hermeneutik bersifat inklusif serta keterbukaan dalam memahami agama (Barton 1997). Hefner (2016) menegaskan bahawa gagasan Islam sivil berperanan untuk mendorong proses demokratisasi, sekali gus mencabar kedudukan autoriti keagamaan. Kajian Hooker (2003) pula menekankan fungsi fatwa kontemporari yang sering berhubungan dengan teks hadis, manakala Kersten (2015) menyorot persaingan idea dan nilai yang telah membentuk hala tuju masyarakat Indonesia moden. Keseluruhan penemuan ini menunjukkan bahawa aliran Islam liberal berkembang dalam suasana sosial dan politik yang sentiasa mengalami perubahan.

Dari aspek epistemologi, Azra (2004) mengutamakan kepentingan hubungan antara ulama Nusantara dengan ulama Timur Tengah sebagai landasan utama bagi autoriti sanad dan kerangka metodologi klasik. Gambaran lebih luas tentang evolusi wacana agama di rantau ini telah dihuraikan oleh Riddell (2001). Dalam konteks kontemporari, Burhani (2013) bersama Bruinessen (2013) menyorot ketegangan di tengah arus liberal dan konservatif, yang mana turut berlaku kebangkitan semula aliran konservatif dalam kalangan masyarakat Islam di Indonesia. Ichwan (2005) mengulas peranan Majelis Ulama Indonesia (MUI) sebagai institusi yang memperkukuh autoriti keagamaan yang berdepan cabaran liberal manakala Hasan (2009) pula menjelaskan perihai pembentukan konsep “Islam publik” yang dipengaruhi oleh politik, media dan aktivisme, yang seterusnya menimbulkan impak langsung kepada cara penerimaan hadis.

Dalam konteks Malaysia, kajian Mazlan et al. (2013) menekankan cabaran yang dihadapi oleh institusi pengajian tinggi awam apabila berhadapan dengan arus Islam liberal. Hal ini ditangani melalui perancangan kurikulum yang berfungsi mempertahankan pendekatan klasik serta menolak pengaruh pemikiran liberal. Sementara itu, Norsaleha et al. (2019) menjalankan kajian sistematik terhadap konsep *living hadith* (hadis dalam amalan sosial) yang kerap disalahgunakan oleh golongan liberal, kemudian menyimpulkan bahawa usaha mereka mentafsir semula hadis berpotensi untuk menimbulkan kekeliruan besar berkaitan dengan sumber hadis.

Selain itu, wacana liberal berkenaan isu pluralisme, wahyu dan etika turut menghasilkan impak langsung terhadap kerangka penilaian hadis. Sebagai contoh, Ali (2023) meneliti pandangan sarjana liberal tentang wahyu dan

kepelbagaian agama dengan penekanan terhadap aspek moral serta nilai sejagat. Menurut Feener (2013), pelaksanaan syariah di Aceh bukan sekadar penguatkuasaan hukum agama, sebaliknya pelaksanaan syariah ini merupakan satu bentuk “kejuruteraan sosial” yang bertujuan mencorak semula masyarakat. Proses ini melibatkan tafsiran semula teks-teks agama yang kemudiannya diterjemahkan kepada kerangka perundangan moden dan institusi birokrasi negara. Dalam kerangka Malaysia, Norani (2005b) menyatakan pendekatan SIS dalam mengangkat isu keadilan gender. Pendekatan ini dilaksanakan menerusi pentafsiran semula teks keagamaan, termasuk hadis, bagi memastikan mesej keadilan Islam dapat diadaptasi dalam konteks hak asasi moden.

Secara keseluruhannya, tinjauan ini menunjukkan bahawa perkembangan pemikiran Islam liberal di Malaysia dan Indonesia berlaku melalui hubungan dengan sejarah jaringan ulama, institusi agama serta perubahan sosial dan politik, dan bukannya muncul dalam ruang kosong. Walaupun demikian, kajian yang meneliti secara kritis hubungan antara metodologi kritik hadis klasik dengan hujah etika-sosial liberal dari perspektif serantau masih terbatas. Oleh yang demikian, artikel ini berusaha untuk mengisi kekosongan tersebut dengan menganalisis hujah dan pendekatan metodologi secara mendalam serta memberi tumpuan terhadap perdebatan antara pemikiran Islam liberal dengan tradisi hadis di Malaysia serta Indonesia.

Pemikiran dan Pendekatan Hermeneutik Islam Liberal di Malaysia dan Indonesia

Dalam konteks Malaysia dan Indonesia, kemunculan wacana Islam liberal dilihat sebagai tindak balas intelektual terhadap tafsiran agama yang bersifat literal dan normatif yang dianggap kurang memadai dalam menangani cabaran masyarakat kontemporari. JIL di Indonesia dan SIS di Malaysia tampil dengan kerangka hermeneutik yang memberi perhatian besar kepada faktor sejarah dan budaya pembaca teks agama, berbeza daripada pendekatan klasik yang berpegang teguh pada tafsir *turath*. Kajian Ahmad Syaifuddin dan Maisyatusy (2021) menjelaskan bahawa JIL menggunakan pendekatan tafsir kontekstual, *maqasid* dan hermeneutik dalam mentafsir al-Qur’an, sekali gus mencetuskan perbincangan baharu tentang hak asasi manusia, kesaksamaan gender dan pluralisme agama. Pendekatan ini juga menentang autoriti pentafsiran klasik dengan memberi penekanan bahawa teks al-Qur’an boleh ditafsir semula berpandukan peredaran zaman.

Penggunaan teori hermeneutik Barat dalam perbincangan serantau ini turut menunjukkan ciri dinamik epistemologi Islam liberal; sebagai contoh, Madjid (2003) menekankan pendekatan hermeneutik yang inklusif bagi menyokong

pluralisme *fiqh* (fikah) serta dialog antara agama dengan budaya tempatan, yang menurut analisis Hasan (2020), menjadi landasan utama bagi interaksi antara nilai normatif Islam dengan keadaan sosiobudaya semasa. Meskipun kaedah ini mendapat sambutan positif daripada sarjana kemanusiaan dan intelektual progresif, kaedah ini masih berhadapan dengan penentangan daripada golongan arus perdana, contohnya fatwa MUI pada tahun 2005 bahawa pluralisme, liberalisme dan sekularisme adalah bercanggah dengan ajaran Islam memperlihatkan konflik yang berlangsung secara berterusan antara tafsiran klasik dengan pendekatan hermeneutik moden dalam perbincangan Islam kontemporari di rantau ini.

Kerangka ini akan memperincikan dua dimensi utama fenomena tersebut: asas intelektual dan latar sosiobudaya gerakan Islam liberal. Analisis ini juga merangkumi peranan hermeneutik sebagai kaedah penting dalam wacana pentafsiran semula teks-teks Islam secara kontemporari. Walaupun perbezaan antara bacaan tekstual dengan kontekstual sering dianggap sebagai punca utama pertembungan antara pemikir liberal dengan ulama klasik, akar konflik sebenarnya lebih bersifat epistemologi. Hal ini merangkumi persoalan tentang autoriti keilmuan dalam menentukan pihak yang layak mentafsirkan hadis, serta sumber legitimasi sesuatu riwayat. Selain itu, perkara yang turut dipersoalkan adalah sejauh mana nilai moral kontemporari boleh dijadikan kayu ukur bagi menilai semula teks-teks hadis tersebut. Bagi aliran liberal, komitmen terhadap hak asasi, kesaksamaan gender dan rasionaliti moral menimbulkan keraguan terhadap sejarah pembentukan sanad dan matan manakala ulama klasik sebaliknya melihat disiplin sanad, matan dan pendekatan ke arah *maqasid al-shari'ah* sebagai asas saintifik yang tidak boleh diganggu. Oleh itu, pertembungan ini bukan sekadar perbezaan metode tafsiran, tetapi pertentangan asas berkenaan epistemologi dan autoriti hadis dalam konteks moden.

Akar intelektual dan sosiobudaya gerakan Islam liberal

Gerakan Islam liberal di Malaysia dan Indonesia tidak berlaku secara tiba-tiba, sebaliknya mempunyai akar sejarah yang berhubung dengan gerakan reformis abad ke-19. Tokoh-tokoh seperti Jamal al-Din al-Afghani dan Muhammad Abduh menitikberatkan pentingnya agenda islah dan tajdid, yang kemudiannya memberi kesan signifikan kepada pemikir pada peringkat serantau, termasuk Nurcholish Madjid dan Harun Nasution di Indonesia (Abaza 2020). Madjid (1992) misalnya, dikenali melalui slogannya yang terkenal, “Islam yes, Partai Islam no” (Ya pada agama Islam, Tidak pada parti Islam). Slogan ini menegaskan pemisahan antara agama dengan politik kepartian, sekali gus mencerminkan kecenderungan pemikirannya yang lebih liberal. Dalam konteks wacana intelektual pula,

pengaruh hermeneutik Barat nampak begitu ketara. Pengaruh hermeneutik Barat dalam wacana pemikiran Islam kontemporari sering dikaitkan dengan penggunaan teori Hans-Georg Gadamer dan Paul Ricoeur. Metodologi ini menekankan aspek prapemahaman dan jarak sejarah dalam usaha melakukan tafsiran semula terhadap teks agama agar relevan dengan konteks semasa (Mohd Shauki 2010). Pendekatan ini membuahakan tafsiran yang lebih memberi tumpuan kepada aspek moral al-Qur'an berbanding dengan bacaan literalnya, sekali gus membuka peluang kepada tafsiran yang bersifat lebih terbuka dan menumpukan pada perspektif individu berbanding dengan kaedah klasik.

Faktor sejarah kolonial dan pascakolonial juga memberikan kesan besar. Zaman penjajahan menimbulkan pertembungan prinsip-prinsip Islam dan Barat manakala era pascakolonial pula menekankan keperluan terhadap demokrasi serta kepelbagaian budaya. Reformasi politik tahun 1998 di Indonesia mempercepat kemunculan organisasi bukan kerajaan (NGO) seperti JIL yang memperkenalkan wacana progresif (Hefner 2000). Selain itu, pendidikan moden membolehkan akses kepada pemikiran Barat yang menumbuhkan generasi yang berfikir kritis terhadap autoriti berasaskan tradisi (Feener 2007).

Pendekatan pluralisme agama pada masa yang sama merupakan prinsip utama dalam pemikiran Islam liberal. Golongan ini menegaskan prinsip kesetaraan antara agama, sejajar dengan gagasan tokoh Barat seperti John Hick dan Wilfred Cantwell Smith (Noor 2021). Prinsip ini diterjemahkan melalui kolaborasi antara institusi agama dengan usaha memperjuangkan hak-hak golongan minoriti. Meskipun pengaruhnya di Malaysia tidaklah sejelas di Indonesia, kerangka pemikiran hermeneutik ini tetap diwacanakan secara aktif menerusi organisasi seperti SIS Forum (Malaysia) dan Islamic Renaissance Front (IRF) dalam usaha membawa tafsiran agama yang lebih kontekstual (Liow 2015).

Namun begitu, gerakan ini tidak terlepas daripada kritikan seperti ketika al-Attas (2005) menegaskan bahawa kelemahan utama Islam liberal ialah kecenderungannya menyerap konsep-konsep Barat tanpa memahami asas epistemologi Islam yang berteraskan *ta'dib* (mendidik). Oleh itu, walaupun lazimnya dilihat sebagai pendekatan berorientasikan kemajuan, Islam liberal masih menghadapi isu berkaitan kesahihan pengetahuan serta kritikan berterusan daripada ulama yang berpegang kepada klasik.

Hermeneutik sebagai alat tafsir alternatif terhadap teks Islam

Dalam konteks pemikiran Islam moden, pendekatan hermeneutik semakin diterima oleh para intelektual Islam liberal sebagai pilihan selain tafsir *turath* yang dilihat kurang sesuai untuk menangani isu-isu semasa. Berpandukan

tradisi falsafah Barat dan pemikiran tokoh seperti Friedrich Schleiermacher, Hans-Georg Gadamer serta Paul Ricoeur, hermeneutik menekankan bahawa makna sesuatu teks tidak tetap atau tunggal, sebaliknya terhasil daripada interaksi yang dinamik antara teks dengan pembaca dalam pelbagai konteks sejarah serta sosial. Kelompok Islam liberal di Malaysia dan Indonesia telah menggunakan kerangka ini untuk mentafsir al-Qur'an dengan penekanan kepada nilai pluralisme agama dan keadilan gender yang pada hemat mereka kurang diangkat dalam disiplin tafsir klasik (Zayd 2006; Madjid 2003).

Penggunaan hermeneutik sebagai kaedah tafsir alternatif juga memberi kesan terhadap perspektif pengetahuan dalam tradisi keilmuan Islam. Pendekatan ini menolak kebergantungan sepenuhnya kepada autoriti *turath* dan mengiktiraf pengalaman pembaca moden sebagai sumber makna yang sah dan relevan. Contohnya dalam perbincangan berkenaan isu homoseksualiti, ahli akademik yang berfikir liberal seperti Kugle (2010) mengaplikasikan pendekatan tersebut untuk mentafsir semula ayat-ayat berkenaan kaum Luth seperti yang tercatat dalam surah al-A'raf (7:80-84):

Dan (Kami juga mengutus) Luth, ketika dia berkata kepada kaumnya: "Patutkah kamu melakukan perbuatan keji yang belum pernah dilakukan oleh seorang pun dari umat-umat yang terdahulu kamu?" Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu syahwat, bukan wanita! Bahkan kamu ini adalah kaum yang melampaui batas. Dan jawapan kaumnya tidak lain hanyalah berkata: "Usirlah mereka (Luth dan pengikutnya) dari perkampungan kamu ini! Sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang bersih (kononnya)". Maka Kami selamatkan dia dan keluarganya kecuali isterinya; dia termasuk dalam golongan yang tinggal (dibinasakan bersama-sama). Dan Kami hujani mereka dengan hujan (batu). Maka perhatikanlah bagaimana kesudahan orang-orang yang berdosa itu.

Sebahagian sarjana hermeneutik mentafsir kisah kaum Luth dengan menekankan dimensi sejarahnya, iaitu sebagai kritikan terhadap sikap kezaliman, dan bukan sekadar isu berkaitan orientasi seksual. Pemahaman sedemikian menimbulkan perdebatan kerana ulama arus perdana menilai keadaan tersebut sebagai penyimpangan makna yang bertujuan membenarkan amalan yang jelas bercanggah dengan syariat (Kamali 2008).

Individu yang paling berperanan penting dalam kerangka ini ialah Nasr Hamid Abu Zayd, yang menegaskan bahawa al-Qur'an perlu ditafsir dan difahami sebagai sebuah teks budaya yang menuntut bacaan linguistik dan semiotik, berbeza daripada pendekatan klasik yang terlalu memberi penekanan pada dimensi ketuhanan dan mengabaikan fungsi akal serta pengalaman manusia.

Antara contoh tafsiran Abu Zayd berkenaan isu wanita melibatkan kritikan beliau terhadap pengaruh budaya patriarki Arab klasik dalam pembentukan teks dan tradisi tafsiran, yang menurut beliau, telah membentuk kerangka pemikiran Islam tradisional (Zayd 2006). Pemikiran ini seterusnya menjadi sumber inspirasi kepada tokoh progresif Indonesia, termasuk Ulil Abshar Abdalla, dalam perbincangan tentang persoalan perkahwinan antara agama (Abdalla 2002a). Walaupun demikian, kerangka hermeneutik Barat menghadapi kritikan kerana dianggap membawa kepada relativisme yang menggugat ketegasan wahyu (Mohammad Kamal 2010). Kritikan ini timbul, misalnya apabila feminis Islam seperti Amina Wadud mentafsir ayat berkaitan kepimpinan dengan memberi justifikasi kepada wanita untuk memimpin solat Jumaat (al-Bukhari 2004; Wadud 2006; Mohammad Kamal 2010).

Pengaruh bacaan hermeneutik di Indonesia bukan sahaja berkembang dalam ruang akademik tetapi juga dalam pertubuhan NGO serta media sosial melalui peranan individu seperti Siti Musdah Mulia dan Abdul Moqsith Ghazali. Mulia (2005) misalnya, mengemukakan cadangan supaya sistem faraid digantikan dengan kaedah pengagihan harta yang lebih fleksibel dengan mengambil kira keperluan serta peranan setiap ahli keluarga berdasarkan tafsiran semula terhadap ayat al-Qur'an tentang warisan. Dalam hujahnya, beliau mentafsir ayat 11 dalam surah an-Nisa' yang menetapkan bahagian warisan lelaki sebanyak dua kali ganda daripada perempuan, bukan sebagai perintah hukuman yang tetap, tetapi sebagai ketetapan kontekstual pada zaman awal Islam yang boleh diubah mengikut keadilan sosial semasa.

Namun begitu, pandangan ini ditolak oleh majoriti *mufasir* (ahli tafsir) dan *fuqaha* (ahli fikah) kerana ayat tersebut disampaikan dalam bentuk perintah yang jelas serta diakhiri dengan penegasan bahawa "Ini ialah ketetapan daripada Allah; sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana" (surah an-Nisa' 4:11). Frasa ini menandakan bahawa hukum faraid bersifat tetap dan tidak terbuka kepada tafsiran moral relatif. Ibn Kathir (2009) menegaskan bahawa ayat ini merupakan ketetapan syarak yang telah ditetapkan dan tidak boleh diubah. Oleh itu, tafsiran Mulia boleh dilihat sebagai usaha membawa prinsip keadilan gender dalam ruang tafsir, namun mengabaikan struktur epistemologi hukum Islam yang berpaksikan kepada wahyu dan konsensus ulama. Maka, isu yang timbul bukan sekadar soal penyesuaian konteks sosial, tetapi juga persoalan tentang autoriti teks wahyu berbanding tafsiran manusia yang bersifat subjektif.

Meskipun pendekatan hermeneutik dalam wacana Islam liberal dilihat masih kurang dominan dalam ruang awam di Malaysia, namun perkara ini mula mendapat perhatian secara beransur-ansur dalam kalangan kelompok intelektual dan perbincangan akademik tertentu. Sejak awal penubuhannya, IRF melalui pimpinan Dr. Farouk Musa telah mempromosikan wacana Islam

progresif dengan memperkenalkan pemikir seperti Muhammad Shahrur dan Hassan Hanafi. IRF menegaskan bahawa pemahaman terhadap teks al-Qur'an dan hadis sepatutnya dilakukan secara kontekstual agar dapat menghadapi cabaran kontemporari, termasuk isu demokrasi, keadilan sosial dan hak asasi manusia (Mohd Faizal dan Siti Syazwani 2020). Namun begitu, pendekatan ini kerap menjadi pertikaian kerana kurang menitikberatkan disiplin klasik dalam *'ulum al-Qur'an* (ilmu-ilmu al-Qur'an) seperti *asbab al-nuzul* (sebab turunnya ayat), *qira'at* (gaya bacaan) dan *nasikh-mansukh* (pengantian dan pembatalan hukum al-Qur'an), selain daripada kaedah untuk tafsiran hadis. Sebaliknya, pendekatan mereka lebih menonjolkan analisis linguistik dan semantik yang tidak mendalam tetapi menumpukan kepada agenda hak asasi, sehingga menimbulkan pertanyaan tentang kesahihan metodologi tersebut dari sudut epistemologi klasik.

Walaupun begitu, hermeneutik tetap membuka peluang kepada tafsiran untuk menjadi lebih demokratik melalui pemberian ruang kepada wanita, golongan minoriti dan kumpulan marginal. Azra (2004) melihat hermeneutik sebagai alat untuk membebaskan pemikiran intelektual dalam konteks pascakolonial, namun menekankan perlunya garis panduan epistemik supaya asas teologi Islam tetap terpelihara. Oleh itu, hermeneutik hanya berkesan apabila dihubungkan bersama kerangka *'ulum al-hadis* (ilmu-ilmu hadis) atau *'ulum al-Qur'an* yang telah disusun oleh ulama klasik, sambil berpandukan *maqasid al-shari'ah* bagi memastikan ajaran Islam tetap terpelihara.

Interpretasi Dekonstruktif Hadis Melalui Hermeneutik

Pendekatan dekonstruktif terhadap hadis melihat teks sebagai produk budaya, kuasa dan sejarah. Golongan liberal menegaskan bahawa pemahaman hadis sentiasa bergantung pada horizon pembaca. Antara hadis yang menjadi perdebatan adalah berkenaan kedudukan keterbatasan akal wanita menurut riwayat berikut:

Daripada Abu Sa'id al-Khudri, beliau berkata: Rasulullah SAW keluar pada Hari Raya Adha atau Hari Raya Fitri menuju tempat solat. Kemudian beliau melewati tempat kaum perempuan dan bersabda, "Wahai kaum perempuan, bersedekahlah! Sesungguhnya aku diperlihatkan bahawa kalian adalah yang paling banyak menghuni neraka." Mereka bertanya: "Apa sebabnya wahai Rasulullah?" Beliau menjawab, "Kalian banyak melaknat dan banyak mengingkari pemberian suami. Dan aku tidak pernah melihat orang-orang yang kurang akal dan agama mampu melumpuhkan hati seorang laki-laki yang tegas melebihi salah seorang dari kalian". Mereka bertanya lagi, "Wahai Rasulullah, apa maksud dari

kurang agama dan akal kami?” Beliau menjawab, “Bukankah persaksian seorang wanita setengah dari persaksian laki-laki?” Mereka menjawab, “Benar”. Beliau berkata lagi, “Itulah kekurangan akalnya. Dan bukankah seorang wanita bila dia sedang haid, dia tidak salat dan puasa?” Mereka menjawab, “Benar”. Beliau berkata, “Itulah kekurangan agamanya”. (Sahih al-Bukhari, Hadis 304, dalam Muhamad Aidil Zali dan Mohd Nor Adli 2022)

Imam al-Nawawi (2001) telah menaakalkan pandangan al-Imam Abu ‘Abd Allah al-Manziri berkenaan maksud “akal”. Menurut beliau, tafsiran tentang akal adalah pelbagai, termasuklah pendapat yang mendefinisikannya sebagai ilmu. Dalam hal ini, beliau menjelaskan bahawa sebahagian ilmu itu bersifat *dharuri*, manakala sebahagian lagi berpendapat bahawa akal ialah potensi atau kekuatan yang berfungsi untuk menapis dan membezakan hakikat sebenar di sebalik sesuatu maklumat atau ilmu.

Meskipun begitu, melalui pendekatan hermeneutik dekonstruktif, sarjana moden tidak lagi terikat kepada pentafsiran hadis secara literal yang bersifat mutlak. Penekanan sebaliknya diberikan kepada keperluan mentafsir sabda Nabi SAW dalam konteks budaya dan psikologi masyarakat Madinah pada abad ke-7, iaitu ketika peralihan daripada sistem sosial patriarki kepada nilai Islam yang adil dan merangkumi semua aspek.

Sehubungan dengan itu, sekiranya teks hadis dibaca tanpa mengambil kira pendekatan kontekstual dan *maqasidi* (objektif), teks hadis sebegini berisiko dibaca secara literal dan normatif sehingga mengekalkan dominasi jantina. Prinsip *maqasid al-shari’ah*, khususnya keadilan, menuntut tafsiran nas agama selaras dengan nilai kesaksamaan dan penghormatan terhadap manusia. Oleh itu, gabungan antara kefahaman klasik dengan analisis kritikal kontemporari sangat diperlukan supaya hadis difahami secara adil, relevan dan tidak disalahgunakan untuk mewajarkan ketidakseimbangan gender.

Dari sudut penerimaan sosial, pendekatan dekonstruksi hermeneutik menafikan anggapan bahawa makna sesuatu teks adalah seragam. Zayd (2006) menekankan makna hadis sentiasa berkait rapat dengan perspektif pembacanya, termasuk latar sejarah individu, struktur masyarakat atau konteks budaya sekitarnya. Sebagai contoh, hadis berkenaan jihad sering menimbulkan pelbagai tafsiran, dengan sesetengah pihak memahaminya sebagai usaha pembebasan manakala pihak yang lain melihatnya sebagai justifikasi kekerasan (Afsaruddin 2013). Kejadian yang melibatkan gerakan Islamic State of Iraq dan Syria (ISIS) dalam 10 tahun terakhir memperlihatkan kesan daripada sebahagian hadis dibaca secara literal untuk menyokong ideologi radikal manakala bagi Muslim di Eropah, jihad biasanya ditafsirkan sebagai perjuangan menentang diskriminasi dan

mempertahankan maruah. Menurut Cook (2015), konteks sosial yang dialami oleh pembaca mempengaruhi perbezaan dalam tafsiran mereka.

Dari sudut teknikal, penilaian terhadap matan hadis memerlukan hubungan intertekstual dengan al-Qur'an. Melalui pendekatan hermeneutik dekonstruktif, kandungan matan dinilai berdasarkan keselarasan dengan prinsip etika al-Qur'an serta pertimbangan rasional akal. Contohnya, hadis berkenaan hukuman terhadap golongan murtad seperti yang diriwayatkan oleh Ibn `Abbas:

Bahawa Ali RA pernah membakar (hidup-hidup) suatu kaum, lalu perkara itu sampai kepada Ibn Abbas. Maka beliau berkata, "Kalau aku, aku tidak akan membakar mereka, kerana Nabi SAW telah bersabda, 'Janganlah kamu menyiksa dengan seksaan Allah'. Bahkan aku akan membunuh mereka sebagaimana Nabi SAW bersabda, 'Sesiapa yang menukar agamanya, maka bunuhlah dia'". (*Sahih al-Bukhari*, Hadis 3017; Terjemahan oleh Al-Asqalani 2006)

Riwayat ini sering menimbulkan perdebatan dalam perbincangan tentang hak asasi manusia. Melalui pendekatan hermeneutik berasaskan konteks, Kamali (2009) menegaskan bahawa teks tersebut sepatutnya difahami dalam konteks sejarah Nabi SAW yang menghadapi ancaman ketenteraan serta pengkhianatan politik, bukannya sekadar dilihat sebagai penafian terhadap kebebasan beragama. Pada masa yang sama, analisis dekonstruktif tidak hanya terbatas kepada pemeriksaan integriti perawi melalui kaedah *al-jarh wa ta'dil* tetapi turut menilai aspek penyusunan sesuatu sanad, termasuk pertimbangan rasional di sebalik penerimaan atau pengguguran sebahagian riwayat.

Sebagai contoh, hadis yang membincangkan *ruqyah* (jampi) seperti dalam riwayat berikut:

Daripada 'Awf bin Malik al-Asyja'i RA, beliau berkata: Kami dahulu (pada zaman Jahiliah) pernah melakukan *ruqyah*. Lalu kami berkata, "Wahai Rasulullah, bagaimana pandanganmu tentang perkara itu?" Maka Baginda SAW bersabda, "Perlihatkanlah *ruqyah* kamu kepadaku. Tidak mengapa dengan *ruqyah* selagi mana tidak mengandungi unsur syirik" [terjemahan oleh penulis]. (*Sahih Muslim*, Hadis 2200)

Riwayat tersebut menekankan bahawa peranan unsur supranatural dalam proses rawatan boleh mendorong kepada corak pemikiran fatalistik dalam masyarakat, walaupun pada masa yang sama, dimensi empirikal dalam tradisi perubatan Islam turut berkembang. Melalui pendekatan hermeneutik kontemporari, teks seumpama ini tidak wajar difahami secara literal semata-mata, sebaliknya perlu dipertimbangkan berdasarkan *maqasid* kesihatan masyarakat. Perkara

ini berperan sebagai rujukan utama dalam menjejaki evolusi epistemologi daripada pemahaman hadis klasik ke arah amalan moden (Gleave 2012).

Pendekatan hermeneutik dekonstruktif terhadap hadis memberikan sumbangan metodologi yang signifikan dalam wacana Islam moden. Pendekatan ini menolak pandangan bahawa teks adalah statik, sebaliknya melihatnya sebagai ruang wacana yang terbuka untuk analisis. Dengan menilai sanad, matan, konteks serta penggunaannya secara kritis, pendekatan ini memastikan relevansi hadis dipelihara tanpa terperangkap dalam literalisme yang kaku atau relativisme yang longgar. Cabaran ilmiah ini masih strategik dan wajar dilanjutkan dalam penyelidikan kemanusiaan bertaraf global.

Kritik Islam Liberal Terhadap Hadis

Dalam konteks Malaysia dan Indonesia, arus pemikiran Islam liberal telah mencetuskan penilaian semula secara kritis terhadap kedudukan hadis dalam tradisi hukum. Kassim Ahmad, melalui karyanya *Hadis: Satu Penilaian Semula* (1986), menolak kedudukan hadis sebagai sumber hukum kedua selepas al-Qur'an kerana penyusunan kitab-kitab hadis dipengaruhi oleh faktor politik, sekali gus tidak menjamin kesahihan mutlakinya; oleh itu, al-Qur'an sepatutnya dijadikan rujukan utama. Sementara itu, kelompok feminis seperti SIS Forum Malaysia berpendapat bahawa tafsiran literal terhadap hadis tertentu mengekalkan diskriminasi gender, lantas mereka menyeru agar pentafsiran dilakukan melalui prinsip *maqasid al-shari'ah* dan keadilan gender (Norzulaili, Mohd Zohdi dan Nadzrah 2020).

Wacana ini memperlihatkan pertembungan metodologi yang ketara. Ulama klasik berpegang kepada kerangka sanad, matan serta kaedah usul *fiqh* dalam mengistinbat hukum melalui nas, sedangkan kelompok liberal lebih mengutamakan dimensi kemanusiaan dengan melibatkan hak-hak asasi, keseimbangan sosial dan pemikiran logik. Sebagai contoh, SIS Forum Malaysia mentafsir hadis dengan menggunakan pendekatan hermeneutik yang menilai struktur sosial dan pengalaman gender kontemporari sebagai asas pentafsiran, berbeza dengan ulama klasik yang mengekalkan disiplin sanad, matan dan kerangka epistemologi *turath* sebagai autoriti penentuan hukum. Perbezaan di sini bukanlah antara pendekatan literal dengan kontekstual semata-mata, namun melibatkan pertembungan asas epistemologi, iaitu untuk melihat sejauh mana teks dan metodologi klasik terus menjadi piawai utama atau digantikan dengan kerangka tafsiran baharu berasaskan pengalaman sosial moden. Ketegangan ini akhirnya menimbulkan perdebatan dengan mempertikaikan

peranan hadis dalam membentuk norma sosial dan undang-undang Islam, di samping menunjukkan perubahan metodologi dalam pengajian hadis moden.

Tokoh-tokoh liberal turut mempersoalkan periwayatan hadis-hadis tertentu. Kassim Ahmad di Malaysia misalnya, mengkritik pelaksanaan literal hukum hudud khususnya potong tangan, dengan alasan riwayat berkenaan terbentuk dalam suasana politik tertentu sehingga tidak semestinya sesuai dalam undang-undang moden tanpa penilaian semula (Kassim 1986). Sementara itu, Siti Musdah Mulia di Indonesia menolak tafsiran literal hadis larangan kepemimpinan wanita kerana bercanggah dengan prinsip kesamarataan dalam al-Qur'an kerana menurut beliau, hadis tersebut perlu ditafsir melalui *maqasid* dan keadilan sosial (Mulia 2005). Kedua-dua tokoh ini menunjukkan adanya arah yang jelas dalam usaha wacana liberal di rantau ini membaca hadis selaras dengan tuntutan keadilan kontemporari.

Secara lebih mendasarnya, sikap skeptikal dalam kalangan sarjana liberal terhadap hadis berpunca daripada beberapa faktor epistemologi yang berkembang dalam wacana moden. Dinamika epistemologi ini merangkumi pengaruh hermeneutik Barat yang melihat hadis sebagai teks sejarah dalam ruang lingkup konteks sosial-politik abad awal Islam, serta penilaian semula terhadap sejarah pembukuan hadis yang dianggap terpengaruh oleh unsur patriarki dan autoriti ulama. Di samping itu, komitmen kelompok liberal terhadap hak asasi manusia, kesaksamaan gender dan kebebasan beragama mendorong mereka menilai semula riwayat yang dilihat tidak selaras dengan nilai-nilai tersebut. Gabungan faktor ini menyebabkan hadis tidak lagi dianggap sebagai sumber normatif yang stabil, tetapi sebagai teks yang perlu ditafsir semula melalui kerangka etika kontemporari.

Hadis pertama: Hadis pemotongan tangan bagi pencuri

Daripada Aisyah RA, Rasulullah SAW bersabda: "Tangan (pencuri) dipotong apabila mencuri harta yang bernilai suku dinar atau lebih" (*Sahih al-Bukhari*, Hadis 6789).

Dalam wacana berkenaan reformasi Islam di Malaysia dan Indonesia, golongan pemikir liberal sering menolak tafsiran literal terhadap hadis yang berkaitan dengan hudud, khususnya isu potong tangan. Wacana liberal terhadap hadis hudud, khususnya berkenaan isu potong tangan, berpusat pada persoalan ketidakserasian hukuman tersebut dengan norma kemanusiaan dalam masyarakat moden apabila ditafsirkan secara literal. Walaupun Abdul Moqsih Ghazali tidak menulis secara khusus tentang hudud, kerangka tafsirannya yang berasaskan *maqasid* dan konteksnya tetap signifikan. Dalam *Argumen*

Pluralisme Agama: Membangun Toleransi Berbasis al-Qur'an (2009), beliau menekankan pengiktirafan Islam terhadap kewujudan agama-agama lain tanpa menyeragamkan kepelbagaian tersebut, sekali gus menunjukkan kepentingan keadilan dan pertimbangan sosial dalam pentafsiran. Tafsiran sebegini membuka ruang untuk melihat hadis hudud dengan lensa moral dan sosial yang lebih inklusif, tanpa menyingkirkan matlamat utama syariah (Ghazali 2005).

Dalam tradisi klasik pula, hadis hudud tidak pernah difahami sebagai teks yang berdiri sendiri. Para *fuqaha* menetapkan syarat-syarat teknikal seperti *hirz bayyinah* (kawalan lokasi dan pembuktian), ketiadaan *syubuhah* (kekeliruan), nisab minimum dan niat *ikhthiyariy* (pilihan sendiri) bagi memastikan pelaksanaan yang adil. Prinsip *dar' al-hudud bi al-shubuhah* (kaedah pencegahan) digunakan sebagai kawalan *maqasidi* untuk mencegah penerapan hukum secara zalim. Umar ibn al-Khattab sendiri pernah menanggukkan hudud ketika berlakunya krisis makanan, lalu menggantikan hudud dengan *ta'zir* (hukuman pemerintah), membuktikan keanjalan tradisi *fiqh* terhadap konteks sosial. Sarjana kontemporari seperti Kamali (2008) menegaskan integrasi nas literal dengan *maqasid* melalui disiplin *qawa'id* (kaedah-kaedah), sementara Brown (2009) menilai sanad dan matan hudud sebagai sahih dan konsisten. Hal ini menunjukkan bahawa kerangka klasik bukan sahaja mempertahankan autoriti hadis, tetapi turut menawarkan fleksibiliti kontekstual yang selaras dengan tuntutan keadilan substantif.

Hadis kedua: Hadis berkenaan wanita dan kepimpinan

Daripada Abu Bakrah, beliau berkata: Sesungguhnya Allah telah memberi manfaat kepadaku dengan satu kalimah yang aku dengar daripada Rasulullah SAW pada hari-hari (peristiwa) al-Jamal. Ketika itu, aku hampir-hampir hendak menyertai para pendukung (pasukan) Jamal lalu berperang bersama mereka. Tatkala sampai kepada Rasulullah SAW bahawa orang Parsi telah melantik puteri Kisra sebagai pemimpin mereka, Rasulullah SAW bersabda: “Tidak akan berjaya sesuatu kaum yang menyerahkan urusan kepimpinan mereka kepada seorang wanita”. (*Sahih al-Bukhari*, Hadis 4425)

Dari sudut pandang Islam liberal di Nusantara, hadis Abu Bakrah difahami secara kontekstual dan tidak dianggap sebagai larangan normatif yang mutlak. Kodir (2018) menegaskan bahawa riwayat ini berkait dengan sebab khusus, iaitu pengiktirafan puteri Kisra sebagai pemerintah, lalu dimaknakan sebagai ramalan kegagalan politik tertentu dan bukannya *dalil qat'i* (dalil yang pasti) yang menetapkan hukum universal. Dari sudut *usul fiqh* (kaedah-kaedah pengeluaran hukum), perbezaan antara bentuk lafaz *nafi* (larangan) “tidak akan berjaya” dengan *sihah* (lafaz) larangan menunjukkan keperluan penelitian morfologi teks sebelum merumuskan hukum. SIS Forum Malaysia

turut menegaskan hujah ini sebagai asas penolakan terhadap bacaan literal (SIS 2005). Kodir (2018) menambah bahawa penggunaan hadis ini oleh Abu Bakrah lebih bersifat justifikasi individu dalam peristiwa al-Jamal, sedangkan sahabat lain berijtihad secara berbeza. Hal ini menggambarkan bahawa riwayat tersebut lebih berfungsi sebagai naratif situasional berbanding prinsip normatif yang tunggal. SIS Forum Malaysia selanjutnya menekankan bahawa kepimpinan perlu ditimbang berdasarkan maslahat, kecekapan dan keadilan, dan bukannya sekadar faktor jantina (SIS 2005).

Sebaliknya, ulama hadis klasik mengiktiraf riwayat ini sebagai hadis sahih dan dibahaskan dengan pendekatan *usuliyin*. Ibn Hajar dalam *Fath al-Bari* (2004) menghubungkan perkara ini dengan peristiwa sejarah yang berlaku selepas Kisra meninggal dunia serta pelantikan anak perempuannya, Burandukht. Meskipun *asbab al-wurud* (sebab hadis muncul) mempunyai sifat khusus, beliau mengaplikasikan pendekatan *al-'ibrah bi 'umum al-lafz la bi khusus al-sabab* (pengajaran dengan keumuman lafaz bukan dengan pengkhususan sebab) untuk menekankan pengajaran yang terkandung dalam hadis ini merentas konteks, iaitu kepimpinan akan gagal sekiranya tidak memenuhi syarat kelayakan tertentu. Walaupun wujud khilaf dalam kalangan *fuqaha*, misalnya pendapat Hanafiyyah yang membenarkan wanita menjadi hakim dalam sebahagian isu, namun majoriti ulama menolak wanita menduduki *imamah kubra* (kedudukan yang utama dalam pemerintahan). Oleh itu, para ulama klasik tidak mentafsir riwayat ini sebagai penolakan mutlak terhadap kepimpinan wanita, sebaliknya sebagai penekanan kepada aspek kelayakan dan maslahat ummah, yakni faktor jantina hanyalah sebahagian daripada kerangka syarat kepimpinan.

Krisis Autoriti Hadis Legitimasi Pemikiran Muslim Kontemporari

Pertembungan epistemologi dalam kajian hadis di Malaysia dan Indonesia menunjukkan perubahan daripada tradisi klasik, yang menekankan penilaian kesahihan riwayat melalui sanad, *riwayah dirayah* (kefahaman matan) serta *al-jarh wa ta'dil*, kepada pendekatan liberal yang memberi keutamaan kepada hak asasi, *maqasid* dan tafsiran berdasarkan konteks. Kamali (2009) menekankan bahawa kewibawaan hadis tidak semata-mata bergantung pada sanad, sebaliknya turut mengambil kira dimensi matan dan konteks keadilan serta kaedah *usuliyah* (prinsip-prinsip umum pengeluaran hukum) seperti *taqyid muta'laq* (mengikat keumuman dalil), *'amm-khass* (keumuman dan mengkhususkan dalil) dan *tarjih* (memberi kesimpulan terhadap pelbagai pandangan), yang mengekalkan fungsinya sebagai sumber hukum kedua selepas al-Qur'an. Wacana di Indonesia pula berkembang kepada persaingan legitimasi

antara autoriti ulama hadis yang berpegang pada kerangka tradisi dengan pemikir liberal yang menumpukan kepada prinsip demokrasi serta kesetaraan dalam menentukan norma sosial (Feener dan Cammack 2007).

Krisis ini menjadi nyata dalam beberapa peristiwa penting. Penolakan Kassim Ahmad terhadap hadis sebagai sumber hukum yang beliau anggap sarat dengan manipulasi politik di Malaysia (Kassim 1986) ditolak oleh sarjana lain kerana hujah tersebut mengabaikan metodologi sanad matan dan bacaan sejarah yang komprehensif (Darussamin 2016). Dalam jalur berbeza, SIS Forum Malaysia menekankan bacaan hadis berteraskan *maqasid* dan keadilan gender, dengan mengkritik kes literal yang dilihat mengekalkan diskriminasi terhadap wanita, serta menolak teks tertentu sebagai asas perundangan (Norani 2005b).

Ulil Abshar Abdalla mewakili JIL mencadangkan pendekatan hermeneutik kritikal yang menilai kesesuaian hadis dengan prinsip ketauhidan, pluralisme dan kebebasan beragama di Indonesia. Dengan itu, asas legitimasi berpindah daripada disiplin sanad kepada pertimbangan etika-sosial dan konteks sejarah (Abdalla 2002b; Assyaukanie 2007). Secara keseluruhannya, dua negara berkenaan menampilkan pola yang sama, pertembungan antara kewibawaan ilmiah metodologi klasik hadis dengan autoriti moral kontekstual yang digerakkan oleh wacana liberal, yang akhirnya melahirkan garis batas baharu tentang makna dan fungsi hadis kepada masyarakat Muslim kontemporari (Feener dan Cammack 2007; Kamali 2009).

Islah Dekonstruksi Menilai Semula Sempadan Perbahasan

Islah sebagai konsep pembaharuan dalam tradisi Islam merujuk kepada usaha mengembalikan fungsi hadis sebagai sumber *tasyri'* (pensyariatan) dan petunjuk masyarakat melalui proses *tashhīh* (penilaian sahih) dan *tanqīh* (pemurnian) yang berpaksikan *manhaj muhaddithin* (metodologi pakar ilmu hadis). Konsep ini menekankan penilaian sanad, kritik matan dan pemaknaan selari *maqasid al-shari'ah*, sekali gus memperkukuh dan bukannya menggugat autoriti hadis. Sebaliknya, pendekatan dekonstruktif yang dipengaruhi aliran pemikiran tertentu mencabar kefahaman teks secara konvensional melalui kecenderungan membaca semula teks bagi membongkar autoriti dan melonggarkan makna normatif. Pertindihan antara kedua-dua pendekatan ini muncul apabila kritik hermeneutik yang bertujukan pembaharuan mula melampaui batas metodologi klasik sehingga menafikan kesahihan teks. Oleh itu, adalah penting untuk membezakan antara islah yang memantapkan tradisi hadis dengan dekonstruksi yang menyoal asas autoritinya.

Dalam kerangka Islam liberal, dekonstruksi sering dijadikan instrumen untuk melepaskan wacana agama daripada tafsiran yang dianggap statik. Akan tetapi, strategi ini mencetuskan krisis legitimasi apabila diaplikasikan terhadap hadis kerana berisiko melemahkan kedudukan sanad dan matan. Penilaian hadis berdasarkan perspektif jantina atau politik contohnya, menimbulkan dilema sama ada wajar dianggap sebagai pembaharuan yang sah atau sekadar pengulangan pendekatan pemikiran orientalis Barat (Kamali 2018). Golongan reformis Muslim memberi penekanan kepada usaha menyelaraskan hadis dengan konteks semasa manakala aliran liberal pula lebih fokus kepada menilai semula autoriti ulama dan amalan tradisi (Hefner 2016).

Dari perspektif teknikal, pendekatan klasik seperti *al-jarh wa ta'dil*, kritik matan dan disiplin *mukhtalif al-hadith* (percanggahan matan hadis secara zahir) sesungguhnya telah membentuk satu kerangka saintifik untuk menangani persoalan yang dikemukakan oleh pemikir liberal. Walaupun demikian, sekiranya kerangka tersebut diabaikan dan digantikan dengan pendekatan dekonstruktif, wacana hadis berpotensi untuk condong kepada relativisme (Saeed 2014). Sehubungan dengan itu, titik persilangan antara islah dengan dekonstruksi bukan sahaja mencerminkan tujuan akademik, malah turut berkait dengan asas epistemologi Islam. Pendekatan sederhana diperlukan agar islah dapat berfungsi sebagai konteks kritis tanpa menjejaskan prinsip manakala dekonstruksi pula tidak wajar dijadikan alasan untuk menolak autoriti hadis secara keseluruhan.

Kesimpulan

Perdebatan panjang berkenaan interaksi antara pendekatan Islam liberal dengan tradisi hadis klasik di Malaysia serta Indonesia membuktikan bahawa perbahasan tentang autoriti hadis kini telah melampaui perbahasan teknikal berkaitan sanad dan matan semata-mata. Dinamika perbahasan ini kini menjurus kepada persoalan legitimasi epistemologi dalam kerangka masyarakat moden. Pemikir liberal lazimnya mengaplikasikan pendekatan dekonstruktif dengan mempersoalkan peranan ulama dan tradisi manakala golongan ulama klasik pula turut memberi penekanan terhadap elemen *maqasid al-shari'ah*, selain penekanan terhadap sanad dan matan, dalam mendepani gelombang masa kini. Konflik ini menunjukkan bahawa perbezaan tidak hanya sekadar pada tafsiran teks, tetapi juga pada perebutan ruang autoriti, dengan hadis menjadi simbol persaingan antara kesinambungan warisan dengan aspirasi reformasi.

Dalam kerangka tersebut, keperluan untuk menemukan keseimbangan semakin mendesak. Sekiranya kerangka hadis hanya diperlakukan melalui dekonstruksi, maka keabsahan epistemiknya akan terhakis. Namun demikian, sekiranya

pendekatan tradisional ditanggapi secara literal tanpa memanfaatkan kaedah kontekstualisasi terarah yang sememangnya wujud dalam *manhaj muhaddithin* seperti *asbab al-wurud*, *jam'wa al-tawfiq* (menghimpunkan dan memurnikan dalil) serta penilaian *maqasid*, maka keadaan ini berpotensi untuk dilihat tidak responsif terhadap realiti masyarakat Muslim yang semakin majmuk. Oleh itu, sintesis antara disiplin klasik dengan tuntutan semasa merupakan pilihan strategik yang mampu mengelakkan krisis legitimasi yang berpanjangan. Dengan pendekatan ini, tradisi hadis bukan sahaja dapat terus dipelihara sebagai sumber autoritatif, tetapi juga dapat berfungsi sebagai panduan etika yang sesuai dalam membentuk perbincangan Islam masa kini.

Rujukan

- Abaza, M. 2020. *Islamic modernism and the rise of liberal thought in Indonesia*. Leiden: Brill.
- Abdalla, Ulil Abshar. 2002a. Menyegarkan kembali pemahaman Islam. *Jurnal Ulumul Qur'an* 13(2): 45–58.
- _____. 2002b. Menyegarkan kembali pemahaman Islam. Retrieved from <http://media.isnet.org/kmi/islam/gapai/Segar.html> (accessed 3 September 2025).
- Afsaruddin, A. 2013. *Striving in the path of God: Jihad and martyrdom in Islamic thought*. Oxford: Oxford University Press. <https://doi.org/10.1093/acprof:oso/9780199730933.001.0001>
- Ahmad Syaifuddin Amin and Maisyatusy Syarifah. 2021. Liberal Islam and its influences on the development of Quranic exegesis in Indonesia and Malaysia. *Jurnal Studi Ilmu-ilmu alQur'an dan Hadis* 22(1). <https://doi.org/10.14421/qh.2021.2201-07>
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2005. *Islam and secularism*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Al-Bukhari, Muhammad ibn Isma'il. 2009. *Sahih al-Bukhari*. ed. 'Abd al-'Aziz 'Abd Allah bin Baz. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Ali, M. 2023. Pemikiran Islam liberal tentang wahyu dan pluralisme agama. *Jurnal Pemikiran Islam Kontemporer* 15(2). <https://doi.org/10.51353/jpb.v2i2.760>
- Al-Asqalani, I.H. 2006. *Fathul Baari: Penjelasan kitab Shahih al-Bukhari*. Translated by Pasukan Penterjemah Pustaka Azzam. Jakarta: Pustaka Azzam.
- Al-Nawawi, Abu Zakariya Mahy al-Din. 2001. *Sahih Muslim bi syarah al-Nawawi*. ed. 'Isam al-Sababiti. Cairo: Dar al-Hadith
- Assyaukanie, L. 2007. *Islam liberal: Sejarah, gagasan, dan gerakan*. Jakarta: Jaringan Islam Liberal & Freedom Institute.
- Azra, A. 2004. *The origins of Islamic reformism in Southeast Asia: Networks of Malay-Indonesian and Middle Eastern "ulama" in the seventeenth and eighteenth centuries*. Honolulu: University of Hawai'i Press. <https://doi.org/10.1163/9789004488199>
- Barton, G. 1997. Indonesia's Nurcholish Madjid and Abdurrahman Wahid as intellectual ulama: The meeting of Islamic traditionalism and modernism in neo-modernist thought. *Islam and Christian-Muslim Relations* 8(3): 323–350. <https://doi.org/10.1080/09596419708721130>
- Brown, J.A.C. 2009. *Hadith: Muhammad's legacy in the medieval and modern world*. Oxford: Oneworld Publications.

- Bruinessen, M.V. 2013. *Contemporary developments in Indonesian Islamic thought: Liberal and conservative trends*. Singapore: ISEAS Publishing. <https://doi.org/10.1355/9789814414579>
- Burhani, A.N. 2013. Liberal and conservative discourses in Indonesian Islam: The struggle for the real and the true. In *Contemporary developments in Indonesian Islam: Explaining the "conservative turn"*, ed. M.V. Bruinessen, 105–144. Singapore: ISEAS Publishing.
- Cook, D. 2015. *Understanding jihad*. 2nd Ed. Oakland: University of California Press.
- Darussamin, Z. 2016. Kassim Ahmad pelopor inkar sunnah di Malaysia. *Al-Fikra: Jurnal Ilmiah Keislaman* 8(1): 127–148. <https://doi.org/10.24014/af.v8i1.3802>
- Feener, R.M. 2013. *Shari'a and social engineering: The implementation of Islamic law in contemporary Aceh, Indonesia*. United Kingdom: Oxford University Press. <https://doi.org/10.1093/acprof:oso/9780199678846.001.0001>
- _____. 2007. *Muslim legal thought in modern Indonesia*. Cambridge, UK: Cambridge University Press.
- Feener, R.M. and Cammack, M.E., eds. 2007. *Islamic law in contemporary Indonesia: Ideas and institutions*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Ghazali, A.M. 2009. *Argumen pluralisme agama: Membangun toleransi berbasis al-Qur'an*. Jakarta: Katakita.
- Gleave, R. 2012. *Scripturalist Islam: The history and doctrines of the Akhbari Shi'i School*. Leiden: Brill.
- Hasan, N. 2020. Dinamika politik Islam di Indonesia tahun 2020. In *Islam Indonesia 2020*. Yogyakarta: Universiti Islam Indonesia Press.
- _____. 2009. The making of public Islam: Piety, agency, and commodification on the landscape of the Indonesian public sphere. *Contemporary Islam* 3(3): 229–250. <https://doi.org/10.1007/s11562-009-0096-9>
- Hefner, R.W. 2016. *Shari'a law and modern Muslim ethics*. Bloomington: Indiana University Press.
- _____. 2000. *Civil Islam: Muslims and democratization in Indonesia*. Princeton, NJ: Princeton University Press.
- Hooker, M.B. 2003. *Indonesian Islam: Social change through contemporary fatāwā*. Honolulu: University of Hawai'i Press.
- Ibn Kathir, 'Imad al-Din Abu Fada'. 2009. *Tafsir al-Quran al-'azim*. ed. Nasr al-Din al-Albani. Cairo: Dar al-Taufiqiyah al-Thurath.
- Ichwan, M.N. 2005. Ulama, state and politics: Majelis Ulama Indonesia after Suharto. *Islamic Law and Society* 12(1): 45–72.
- Kamali, M.H. 2018. *Issues in the legal theory of Usul al-Fiqh*. Cambridge: Islamic Texts Society.
- _____. 2009. *A textbook of hadith studies: Authenticity, compilation, classification and criticism of hadith*. Leicester: The Islamic Foundation.
- _____. 2008. *Shari'ah law: An introduction*. Oxford: Oneworld Publications.
- Kassim Ahmad. 1986. *Hadis: Satu penilaian semula*. Kuala Lumpur: Media Intelek.
- Kersten, C. 2015. *Islam in Indonesia: The contest for society, ideas and values*. London: Hurst & Company. <https://doi.org/10.1093/acprof:oso/9780190247775.001.0001>
- Kodir, F.A. 2018. Kepemimpinan perempuan dalam hadis. *Swara Rahima* 62.
- Kugle, S. 2010. *Homosexuality in Islam: Critical reflection on gay, lesbian, and transgender Muslims*. Oxford: Oneworld Publications.

- Liow, J.C. 2015. Religion and nation: The politics of Islam in Malaysia. *Journal of Southeast Asian Studies* 46(1): 79–96.
- Madjid, N. 2003. *Islam, kemodernan dan keindonesiaan*. Jakarta: Paramadina.
- _____. 1992. *Islam, doktrin, dan peradaban*. Jakarta: Paramadina.
- Mazlan Ibrahim, Latifah Abdul Majid, Jaffary Awang, Muhd Najib Abdul Kadir and Fadlan Mohd Othman. 2013. Pengajian Islam di IPT Malaysia dalam menangani Islam liberal. *Jurnal Hadhari* 5(1): 1–18.
- Mohammad Kamal Hassan. 2010. *Voice of Islamic moderation from the Malay world*. Kuala Lumpur: IIUM Press.
- Mohd Faizal Musa and Siti Syazwani Zainal Abidin. 2020. The Islamic renaissance front in Malaysia: Fighting to reinvigorate progressive voices. Retrieved from <https://www.iseas.edu.sg/media/commentaries/the-islamic-renaissance-front-in-malaysia-fighting-to-reinvigorate-progressive-voices/> (accessed 3 September 2025).
- Mohd Shauki Hasan. 2010. Hermeneutika sebagai kaedah tafsiran teks: Suatu analisis kritikal. *Jurnal Usuluddin* 32: 115–138.
- Muhamad Aidil Zali and Mohd Nor Adli Osman. 2022. Menyangkal dakwaan Syi'ah kontemporari terhadap hadith Sahih al-Bukhari berkenaan dengan wanita pendek akal. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(2): 98–105.
- Mulia, S.M. 2005. *Muslimah reformis: Perempuan pembaru keagamaan*. Bandung, Indonesia: Mizan.
- Noor, F.A. 2021. Progressive Islam in Southeast Asia: Pluralism, democracy and gender. *Asian Journal of Comparative Politics* 6(2).
- Norani Othman. 2005a. Muslim women and the challenge of Islamic fundamentalism/extremism: An overview of Southeast Asian Muslim women's struggle for human rights and gender equality. *Women's Studies International Forum* 29(4): 339–353. <https://doi.org/10.1016/j.wsif.2006.05.008>
- _____. 2005b. *Muslim women and the challenge of Islamic extremism*. Selangor, Malaysia: Sisters in Islam.
- Norsaleha Mohd Salleh, Lilly Suzana Hj Shamsu, Rosni Wazir, Abur Hamdi Usman, Mohd Farid Ravi Abdullah, Abu Zaki Ismail and Nurul Ain Burhanuddin. 2019. Penyalahgunaan *living hadis* dalam kalangan kelompok liberal: Satu sorotan literatur secara sistematik. *HADIS* 9(17): 65–78. <https://doi.org/10.53840/hadis.v9i17.57>
- Norzulailli Mohd Ghazali, Mohd Zohdi Mohd Amin and Nadzrah Ahmad. 2020. An analysis of Sisters in Islam's (SIS) misinterpretation of the gender equality in the Quran. *Ma'ālim al-Qur'ān wa al-Sunnah* 16(2): 31–47. <https://doi.org/10.33102/jmq.v16i2.231>
- Ratna Osman. 2011. Press statement: Sisters in Islam remains firmly opposed to the implementation of *hudud* law for Malaysia. Retrieved from [https://sistersinislam.org/press-statement-sisters-in-islam-remains-firmly-opposed-to-the-implementation-of-hudud-law-for-malaysia/#:~:text=Sisters%20in%20Islam%20\(SIS\)%20is,is%20against%20the%20Federal%20constitution](https://sistersinislam.org/press-statement-sisters-in-islam-remains-firmly-opposed-to-the-implementation-of-hudud-law-for-malaysia/#:~:text=Sisters%20in%20Islam%20(SIS)%20is,is%20against%20the%20Federal%20constitution) (accessed 3 September 2025).
- Riddell, P.G. 2001. *Islam and the Malay-Indonesian world: Transmission and responses*. London: Hurst & Company.

- Siti Wahidah Mustapa and Muhd Najib Abdul Kadir. 2020. Tema utama pemikiran Muslim liberal. *Jurnal al-Ummah* 2.
- Sisters in Islam. 2005. *Women as judges*. Kuala Lumpur: SIS Forum (Malaysia).
- Saeed, A. 2014. *Reading the Quran in the twenty-first century: A contextualist approach*. London: Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781315870922>
- Wadud, A. 2006. *Inside the gender jihad: Women's reform in Islam*. Oxford: Oneworld.
- Zayd, N.A. 2006. *Reformation of Islamic thought: A critical historical analysis*. Amsterdam: Amsterdam University Press.